

Kerajaan belum putuskan jenis jet pejuang baru

KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan belum memutuskan jenis jet pejuang akan dibeli bagi memperkuatkan pertahanan negara ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menegaskan, Kerajaan belum memutuskan sama ada hendak membeli pesawat Corsair A-7, F16 atau Skyhawk.

"Rombongan yang melawat Amerika Syarikat belum

menghantar laporan kepada saya dan sukar bagi saya untuk menyetujui apa-apa sekarang.

"Tetapi apa yang jelas, keputusan dibuat nanti bukan keputusan saya tetapi dari pakar-pakar TUDM sendiri.

"Terserahlah kepada mereka untuk menentukan jet pejuang mana yang patut dibeli kerana mereka lebih mengetahui tentang keperluan TUDM," katanya kepada pemberita

selepas melawat Depoh Baikpulih Kapal terbang TUDM di Subang dekat sini.

Panglima Tentera Udara, Lt-Jen Datuk Mohamad Taib, yang mengetuai rombongan ke Amerika Syarikat untuk menguji pesawat Corsair A-7 dan F16 memberitahu, beliau akan menyampaikan laporan kepada Perdana Menteri dalam dua bulan ini.

"Kedua jet pejuang itu mempunyai keistimewaan masing-masing," ujarnya.

Beliau menafikan Malaysia membatalkan tempahan pesawat Skyhawk dan berkata: "Sebenarnya kita telah membeli beberapa buah tetapi masih berada di Amerika Syarikat."

Katanya, alat ganti untuk pesawat Skyhawk tidak menjadi masalah kerana TUDM boleh mengeluarkannya dari Depoh Baikpulih Kapal terbang.

"Kita mempunyai kemampuan berbuat demikian jika kita mahu," tambahnya.

Datuk Mohamad enggan mengulas jet pejuang mana yang sesuai untuk Malaysia. "Terserah kepada Perdana Menteri untuk memutuskannya."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia